



## KENYATAAN MEDIA MENGENAI PENGGANTUNGAN BANTUAN ANTARABANGSA KEPADA UNRWA

**GegarAmerika** mengeji keputusan yang diambil oleh lebih daripada 14 buah negara Barat untuk menggantung bantuan asasi kepada *Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin di Asia Barat* (“UNRWA”) walaupun pengeboman dan kebuluran penduduk Gaza masih berlaku. Keputusan ini berlandaskan pertuduhan tidak berasas oleh lobi Zionis yang mendakwa UNRWA telah terlibat dalam serangan pada 7 Oktober terhadap kolonis Israel.

*GegarAmerika* mengecam keras Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jerman, Kanada, Itali, Belanda, Finland, Switzerland, Australia, Jepun, Romania, Austria, Estonia, dan Sweden diatas tindakan mereka menarik dana daripada UNRWA pada minggu yang sama Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan bahawa terdapat bukti yang cukup untuk menganggap tindakan Israel di Palestin sebagai pembasmian kaum (“genosid”), dan meminta bantuan kemanusiaan ke Gaza ditingkatkan sewajarnya.

**Jelas di sini bahawa tindakan kuasa imperialis antarabangsa ini merupakan satu bentuk hukuman kolektif ke atas populasi yang ditindas di bawah taklukan Israel. Tindakan tersebut bukan sahaja dilaksanakan atas tuduhan yang tidak berasas, tetapi merupakan sesuatu yang kejam dan memalukan.** UNRWA menyediakan perkhidmatan pendidikan, penjagaan kesihatan, dan tempat perlindungan untuk 2.2 juta rakyat Palestin di Gaza, di mana lebih 80% daripada jumlah itu merupakan pelarian yang dipaksa keluar tanah air mereka semasa Nakba pada tahun 1948. Penggantungan bantuan ini boleh meruntuhkan jaringan sistem kesihatan dan mengancam sumber kehidupan asas untuk setiap lelaki, wanita, dan kanak-kanak di Gaza, mencabuli keputusan ICJ mengenai langkah-langkah sementara baru-baru ini.

Serangan sistematik ke atas organisasi-organisasi pelarian seperti UNRWA jelas mendukung agenda Zionis untuk menghapuskan hak kepulangan (*right of return*) rakyat Palestin yang diiktiraf secara antarabangsa. Penggantungan bantuan kepada UNRWA dilaksanakan sejurus kenyataan oleh Noga Arbell, Ketua kepada Kohelet Foundation, sebuah badan fasis bersayap kanan, yang berkata, “*Kita tidak mungkin akan memenangi peperangan jika UNRWA tidak dihancurkan, dan penghancuran ini mesti dilaksanakan dengan segera*”. Kenyataan ini hanya merupakan salah satu daripada kenyataan-kenyataan berbaur genosid lain yang telah dikeluarkan oleh pegawai-pegawai Israel dan jurucakap-jurucakap militarnya sejak 7 Oktober lalu, di mana hasutan terhadap keganasan ini jelas mempunyai niat berunsur genosid di bawah undang-undang antarabangsa.

*GegarAmerika* merupakan gerakan oleh rakyat Malaysia yang bergiat untuk menentang kekejaman Amerika Syarikat; mengecam keras imperialisme Barat dan pencerobohan campur tangan AS di seluruh Selatan Global, khususnya dalam isu perjuangan Palestin.



**GegarAmerika bersolidariti dengan pejuang Palestin dan mendukung hak rakyat Palestin untuk melaksanakan perjuangan bersenjata menentang kuasa penakluk Israel, sebagai hak yang diiktiraf secara antarabangsa.** GegarAmerika menolak keras tuduhan tidak berasas entiti Zionis yang sebelum ini menyebarkan fitnah bahawa para pejuang Palestin melakukan penderaan dan keganasan seksual terhadap kolonis Israel sebagai alasan untuk melakukan genosid di Gaza. Rejim pembunuh Zionis ini juga yang berkali-kali menghalang percubaan Hamas untuk melaksanakan penyiasatan bebas ke atas kematian orang awam pada 7 Oktober lalu, yang ternyata kebanyakannya mati ditembus peluru Israel sendiri. Serangan bersasar terhadap UNRWA merupakan sambungan kepada jenayah-jenayah mereka. Oleh itu, GegarAmerika menyeru rakyat Malaysia dan warga Selatan Global yang berjiwa kemanusiaan untuk terus memastikan kuasa imperialis dunia bertanggungjawab ke atas jenayah kemanusiaan yang mereka lakukan dan untuk terus memberi sokongan padu kepada rakyat Palestin dalam menentang genosid.

**31 JANUARI 2024**

**GegarAmerika**

*GegarAmerika merupakan gerakan oleh rakyat Malaysia yang bergiat untuk menentang kekejaman Amerika Syarikat; mengecam keras imperialisme Barat dan pencerobohan campur tangan AS di seluruh Selatan Global, khususnya dalam isu perjuangan Palestin.*